

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/04 – 73

KELONGGARAN PENGGUNAAN BORANG KERTAS DAN KAEDAH PENGEMUKAAN BORANG CP21, CP22, CP22A DAN CP22B

- Selaras dengan pindaan subseksyen 83(2), (3) dan (4) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021, Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menurut seksyen 152 ACP 1967 dan dikemukakan kepada LHDNM dalam tempoh serta melalui kaedah seperti berikut:

Borang		Tempoh Pengemukaan	Kaedah Pengemukaan
Borang CP21	Pemberitahuan pekerja meninggalkan Malaysia	Tidak kurang dari 30 hari sebelum tarikh pekerja dijangka meninggalkan Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> Secara dalam talian melalui e-SPC Serahan tangan Melalui pos
Borang CP22	Pemberitahuan pekerja baharu	Dalam tempoh 30 hari selepas penggajian bermula	<ol style="list-style-type: none"> Serahan tangan Melalui pos
Borang CP22A	Pemberitahuan pemberhentian pekerja (termasuk pemberhentian disebabkan oleh kematian) bagi pekerja swasta	Tidak kurang dari 30 hari sebelum pemberhentian kerja; atau tidak lebih dari 30 hari selepas dimaklumkan kematian	<ol style="list-style-type: none"> Secara dalam talian melalui e-SPC Serahan tangan Melalui pos
Borang CP22B	Pemberitahuan pemberhentian pekerja (termasuk pemberhentian disebabkan oleh kematian) bagi pekerja sektor awam		

2. Walau bagaimanapun, menyedari kesukaran para majikan dalam memenuhi tanggungjawab ini dalam suasana pandemik COVID-19 yang masih belum reda, LHDNM bersetuju memberikan kelonggaran kepada para majikan untuk **menggunakan dan mengemukakan borang kertas** bagi Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B seperti kaedah di bawah **sehingga tempoh 31 Disember 2021**:

Jenis Borang	Kaedah Pengemukaan
Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B (versi SELAIN borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967)	i. Serahan tangan ii. Melalui pos iii. E-mel
Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B (versi borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967)	i. Serahan tangan ii. Melalui pos iii. E-mel

3. Melalui kelonggaran ini, LHDNM hanya akan menguatkuasakan kaedah pengemukaan Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B (versi borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967) mulai 1 Januari 2022.
4. Sehubungan itu, Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B yang dikemukakan mulai 1 Januari 2022 seperti di bawah tidak akan diterima dan para majikan hendaklah mengemukakannya semula mengikut kaedah yang telah ditetapkan:
- Borang yang menggunakan format sendiri atau versi selain borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967.
 - Borang dikemukakan melalui e-mel atau faksimile.
5. Kelewatan atau kegagalan mengemukakan Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B merupakan suatu kesalahan dan sekiranya disabitkan, boleh dikenakan denda tidak kurang RM200 atau tidak lebih dari RM20,000 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya di bawah subseksyen 120(1) ACP 1967.



6. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:
- Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - HASiL Live Chat; dan
 - Borang Maklum Balas di Portal Rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 04 Jun 2021

Mengenai Borang CP21, CP22, CP22A & CP22B

- Menurut subseksyen 83(2), (3) dan (4) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), para majikan (sektor awam dan swasta) bertanggungjawab memaklumkan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dalam tempoh yang ditetapkan berhubung pengambilan pekerja baharu, pemberhentian pekerja (termasuk pemberhentian disebabkan oleh kematian) dan pekerja yang hendak meninggalkan Malaysia. Pemakluman hendaklah dibuat menggunakan borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967.



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 4

- b. Borang CP21, CP22, CP22A dan CP22B yang terkini boleh dimuat turun dan dikemukakan kepada LHDNM dengan mengikut langkah mudah seperti berikut:
- Layari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my;
 - Klik menu **Borang** > submenu **Muat Turun Borang** > **Lain-lain Borang** > **Borang CP21 / CP22 / CP22A / CP22B** atau melalui pautan pantas http://www.hasil.gov.my/bt_goindex.php?bt_iborang=12&bt_tahunbor=Semua%7CAI&bt_kump=2&bt_skum=3&bt_posi=1&Submit=Cari; dan
 - Lengkapkan maklumat serta kemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pekerja atau ke cawangan LHDNM yang berhampiran.
- c. Sebagai kemudahan kepada para majikan, LHDNM turut menyediakan perkhidmatan e-SPC bagi membolehkan para majikan mengemukakan Borang CP21, CP22A dan CP22B secara dalam talian. Perkhidmatan ini boleh diakses dari Portal Rasmi LHDNM iaitu www.hasil.gov.my > **MyTax** > **Perkhidmatan ezHasil** > **e-SPC**.

###

The logo for LHDN Malaysia is a large, light blue triangle. Inside the triangle, there is a stylized yellow and white graphic that resembles a 'D' or a similar symbol. Below the triangle, the letters 'LHDN' are written in a large, bold, white font. Underneath 'LHDN', the word 'MALAYSIA' is written in a smaller, spaced-out, light blue font.

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 4 daripada 4